

Piala Monsun jadi penanda aras dunia

UM - 3/12/2007

KUALA TERENGGANU 2 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kejohanan Kapal Layar Piala Monsun yang masuk musim ketiga tahun ini, meraih kejayaan yang amat besar dan dijadikan penanda aras bagi penganjuran-penganjuran sukan seumpama itu di dunia.

Menurut Perdana Menteri, perkara tersebut dimaklumkan sendiri oleh Naib Presiden Persekutuan Pelayaran Antara-bangsa, David Kellett yang menyifatkan penyediaan kemudahan, penyelenggaraan dan peraturan pertandingan, kejohanan Piala Monsun adalah yang terbaik di dunia dalam sukan pelayaran.

Sambil melahirkan perasaan gembira di atas kejayaan tersebut, beliau yakin dengan kerjasama dan semangat yang ditunjukkan oleh semua pihak terlibat, Piala Monsun akan lebih maju dan terkenal pada masa depan.

"Saya gembira dengan kejayaan Piala Monsun pada tahun ini. Sebenarnya tahun ini, lebih berjaya lagi daripada tahun lepas dan nampaknya dalam masa dua setengah tahun ini nama Piala Monsun sudah dikenali di seluruh dunia

"Dia (David Kellett) mengangap kita telah menunjukkan satu penanda aras yang cukup tinggi. Sebenarnya inilah yang menjadi penanda aras bagi pertandingan

seperti ini yang hendak diadakan di tempat lain nanti," ujarnya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menyampaikan trofi Piala Monsun 2007 kepada juara, Ian Williams dari United Kingdom di The Heritage Bay Club and Marina di Pulau Duyong di sini hari ini.

Williams juga merupakan juara Kejohanan Kapal Layar Jelajah World Match Racing (WMRT) 2006/2007.

● Berita, gambar di muka 32

Apa yang lebih penting, kata Abdullah, Piala Monsun yang berjaya mengharumkan nama Terengganu telah mewujudkan kegiatan sampingan hasil kemasukan pelaburan asing termasuk oleh sebuah syarikat dari Belanda yang melabur hampir RM1 bilion untuk membina 20 buah kapal persiaran mewah untuk pasaran Eropah di Pulau Duyong.

Malah, menurutnya, penduduk tempatan juga tidak ketinggalan meraih keuntungan daripada hasil jualan produk sepanjang Piala Monsun berlangsung termasuk peniaga songket dan makanan.

"Saya dimaklumkan ada penjual songket tempatan yang berjaya menjual fabrik itu sehingga mencecah RM100,000 sehari malah penjual kuih-muih dan kerepek juga tidak ketinggalan meraih jualan RM1,000

sehari sepanjang Piala Monsun berlangsung," katanya yang gembira dengan sambutan penonton tempatan yang semakin ramai hadir pada kejohanan kali ini.

Beliau yakin keupayaan Piala Monsun menjana pendapatan yang tinggi kepada penduduk tempatan akan menggalakkan pengusaha-pengusaha asas tani di Terengganu untuk menjual barangan mereka pada kejohanan tersebut selepas ini.

"Mereka sudah rasa dan sudah tahu barangan mereka ada penerimaan dan pasaran, dan kebetulan yang datang ke sini (Piala Monsun) ramai yang bukan rakyat Malaysia," ujarnya.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh serta jawatankuasa pengelola Piala Monsun kerana telah berjaya menganjurkan kejohanan itu dengan amat baik.

Sementara itu pada Majlis Makan Tengah Hari Komodor, Abdullah mahu Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said memastikan pembinaan Akademi Pelayaran di Pulau Duyong siap sebelum kejohanan Piala Monsun tahun depan.

Katanya, akademi tersebut merupakan kemudahan yang disediakan kepada golongan muda untuk melahirkan lebih ramai pelayar tempatan bertaraf antarabangsa.

DATE: 3 / 12 / 2007

UTUSAN MALAYSIA

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA